



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan satu soalan di Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Bersama-sama dengan kertas soalan ini, tiap-tiap calon akan diberi alat tulis perakaunan berikut:*

<i>Buku Tunai Tiga Ruangan</i>	<i>2 helai</i>
<i>Jurnal</i>	<i>2 helai</i>
<i>Lejar</i>	<i>5 helai</i>
5. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
6. *Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.*
7. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

Kertas soalan ini mengandungi 19 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

BAHAGIAN A

[68 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Puan Prema ialah pemilik Farmasi Prema Veera yang membekalkan ubat-ubatan dan barangan penjagaan diri di Johor Bahru.

Berikut ialah baki-baki yang diambil daripada buku perniagaannya pada 1 Ogos 2008:

	RM
Tunai	550
Bank	26 500
Stok	9 350
Pemiutang : Perniagaan Mulia	1 350
Modal	35 050

Sepanjang bulan Ogos 2008 urusan Farmasi Prema Veera ditunjukkan oleh dokumen perniagaan seperti dalam **Lampiran A**.

Anda dikehendaki :

- (a) Sediakan catatan dalam buku-buku catatan pertama.
(Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak diperlukan) [9 markah]
- (b) memindahkan catatan dari (a) ke lejar yang berkaitan. [8 markah]
- (c) menyediakan Imbangan Duga pada 31 Ogos 2008. [7 markah]

- 2 Azmi dan Azmah ialah pekongsi dalam Perkongsian AZIMAH yang menjalankan perniagaan di bandar Mersing, Johor. Berikut ialah Imbangan Duga perkongsian mereka pada 31 Julai 2008:

Imbangan Duga pada 31 Julai 2008

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Ogos 2007:		
Azmi		20 000
Azmah		20 000
Akaun Semasa pada 1 Ogos 2007:		
Azmi		500
Azmah		2 400
Stok pada 1 Ogos 2007	28 050	
Bank	2 500	
Kenderaan	47 850	
Kadar bayaran	552	
Insurans	626	
Ambilan Azmi	400	
Belian dan Jualan	75 264	106 902
Pemiutang		5 440
	155 242	155 242

Maklumat tambahan :

- (i) Stok pada 31 Julai 2008 bernilai RM30 234 pada harga kos dan RM32 432 pada harga pasaran.
- (ii) Kadar bayaran adalah termasuk cagaran elektrik berjumlah RM100.
- (iii) Pekongsi Azmah dibayar gaji tahunan berjumlah RM6 000.
- (iv) Faedah atas modal tetap pekongsi 5% setahun.
- (v) Untung atau rugi dibahagi sama rata di antara pekongsi.

Sediakan :

- (a) Penyata Pendapatan Perkongsian AZIMAH bagi tahun berakhir 31 Julai 2008 [12 markah]
- (b) Kunci Kira-kira pada 31 Julai 2008. (Modal pekongsi direkodkan mengikut kaedah modal tetap. Tunjukkan modal kerja) [8 markah]

- 3 Encik Cheong memulakan perniagaan kedai runcit pada 1 Januari 2007 dengan membawa masuk tunai RM10 000 danengkapan bernilai RM4 200 ke dalam perniagaannya. Tunai ini dibankkan. Encik Cheong tidak menyimpan rekod perakaunan mengikut sistem catatan bergu.

Maklumat berikut diperolehi pada 31 Disember 2007:

	31 Disember 2007
Lengkapan kedai (kos)	4 200
Pemiutang	2 700
Bank	4 400
Stok	5 900
Komisen diterima terakru	320
Tunai	980
Penghutang	5 740
Gaji terakru	250
Insurans terdahulu	180

Maklumat tambahan:

- (i) Pemilik membawa masuk sebuah komputer peribadi RM3 500 untuk kegunaan pejabat. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (ii) Sepanjang tahun 2007 Encik Cheong mengambil barang niaga bernilai RM50 setiap bulan untuk kegunaan sendiri.
- (iii) Baki seorang penghutang RM300 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iv) Lengkapan kedai disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) (i) Penyata menghitung modal pada 31 Disember 2007 [6 markah]
- (ii) Penyata Untung atau Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2007. [5 markah]
- (b) Nyatakan **dua** kelemahan perniagaan yang mengamalkan rekod tak lengkap. [2 markah]

- 4 Syarikat Ganti Bina Sdn. Bhd. ialah sebuah perniagaan yang mengeluarkan alat ganti kenderaan. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan syarikat pada 30 Jun 2008.

	RM
Stok 1 Julai 2007:	
Bahan mentah	25 000
Kerja dalam proses:	
Bahan mentah	4 210
Buruh langsung	3 130
Overhed	2 205
Barang siap	20 125
Belian bahan mentah	40 500
Belian barang siap	8 440
Upah Buruh Langsung	15 445
Gaji Pejabat	6 350
Duti import bahan mentah	1 882
Insurans kilang	1 200
Sewa bangunan	8 100
Pulangan bahan mentah	1 450
Angkutan masuk bahan mentah	748
Gaji buruh tak langsung	10 210
Jentera (kos)	65 600
Peruntukan susut nilai Jentera	6 560
Angkutan keluar	550
Jualan	85 760

Maklumat tambahan:

- (i) Stok pada 30 Jun 2008:

Bahan mentah	19 650
Kerja dalam proses:	
Bahan mentah	3 722
Buruh langsung	2 443
Overhed	1 655
Barang siap	15 445

- (ii) Sewa bangunan dibahagikan antara kilang dan pejabat dengan nisbah 3:1.
 (iii) Jentera disusutnilaikan dengan kadar 10% setahun atas kos.

- (a) Anda dikehendaki menyediakan Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2008 [10 markah]
- (b) Terangkan maksud
- i. Kos tetap [1 markah]
 - ii. Kos berubah [1 markah]

BAHAGIAN B

[12 markah]

Jawab satu soalan saja.

- 5 Perniagaan Nurisya Florist menerima Penyata Bank untuk bulan April 2008 yang menunjukkan baki yang berbeza dengan baki Buku Tunai. Berikut ialah Penyata Bank dan Buku Tunai (ruangan bank sahaja) untuk bulan tersebut.

PENYATA BANK

Tarikh	Butiran	No.Cek	Debit	Kredit	Baki
2008			RM	RM	RM
April 1	Baki				8 664 (kt)
2	Cek	050411	384		8 280
3	Cek	050412	400		7 880
4	Deposit			550	8 430
8	Cek	050413	345		8 085
10	Cek	050414	280		7 805
12	Deposit			370	8 175
15	Deposit			500	8 675
20	Buku cek		5		8 670
21	Cek	050415	700		7 970
29	Dividen (Syarikat Muhibah)			650	8 620

BUKU TUNAI (RUANGAN BANK SAHAJA)

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	No. Cek	Jumlah
2008		RM	2008			RM
April 1	Baki b/b	7 880	April 3	Gaji	050413	354
4	Ilyana	550	5	Belian	050414	280
7	Jualan	370	12	Alicia Florist	050415	700
10	Zafirin	500	18	Zamzani	050416	250
25	Jualan	330	27	Saujana	050417	440
27	Kavitha	415	30	Baki h/b		8 021
		10 045				10 045

Maklumat tambahan :

- (i) Cek yang diterima pada 27 April 2008 dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar"
- (ii) Cek yang dikeluarkan bernombor 050413 dikenal pasti berlaku kesilapan catatan dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki :

- (a) Mengemaskinikan Buku Tunai untuk bulan April 2008 [5 markah]
- (b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2008 [5 markah]
- (c) Nyatakan tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan. [2 markah]

6 Maklumat berikut dipetik daripada buku Syarikat Bumi Hijau Berhad pada 1 Julai 2008.

Modal dibenarkan:

10 000 000 8% saham keutamaan RM2.00 sesaham

20 000 000 saham biasa RM1.00 sesaham

Pada 10 Julai 2008, syarikat menerbitkan 3 000 000 8% saham keutamaan dan 4 000 000 saham biasa kepada orang ramai pada nilai tara. Semua saham itu telah dilanggan dan dibayar penuh. Semua wang dibankkan pada 31 Julai 2007.

Dividen interim 3 % untuk saham keutamaan dan 3 sen sesaham untuk saham biasa telah dibayar pada 31 Disember 2007. Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2008, Lembaga Pengarah Syarikat Bumi Hijau mengisytiharkan dividen akhir 6 sen bagi setiap saham biasa.

a. **Anda dikehendaki menyediakan:**

- i. Akaun Permohonan Saham Keutamaan
- ii. Akaun Permohonan Saham Biasa
- iii. Akaun Modal Saham Keutamaan
- iv. Akaun Modal Saham Biasa
- v. Akaun Bank

[6 markah]

b. **Anda dikehendaki menghitung:**

- i. Jumlah dividen interim
- ii. Jumlah dividen akhir

[4 markah]

c. Nyatakan perbezaan di antara Saham Biasa dan Saham Keutamaan

[2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

LAMPIRAN A

DOKUMEN PERNIAGAAN

ASAL

INVOIS

No. 1410

MINSON SDN BHD

Lot 3-2 Kawasan Perindustrian Tebrau
81200 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
No Tel: 07-2233467

Tarikh: 2 Ogos 2008

Kepada :
Farmasi Prema Veera
LG54 Plaza Tasek
Taman Tun Aminah
81200 Johor Bahru

KUANTITI	BUTIRAN	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
20	Kiddy Multivitamin	25.00	500.00
30	Krim Pembasmi Selulit D'Anggun	21.50	645.00
15	Pati Ikan Haruan Holiney	35.00	525.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			1 670.00
			167.00
JUMLAH			1 503.00

(Ringgit Malaysia: Satu ribu lima ratus tiga sahaja)

Syarat: 5% 10 hari
Serahan: Angkutan dibayar
K. & K.di K

Prema.....
Penerima*Stanley*.....
Pengurus**DOKUMEN 1**

ASAL	No: 220
RESIT RASMI	
PERNIAGAAN MULIA No 14 Jalan Perdana 4/4 Taman Perdana Putra 81110 Johor Bahru	
Tarikh : 5 Ogos 2008	
Diterima daripada :	Farmasi Prema Veera
Ringgit Malaysia :	Satu ribu tiga ratus lima puluh sahaja
Bayaran untuk :	Menjelaskan sepenuhnya hutang.
<div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">RM 1 350.00</div>	<i>Adi Mulia</i>
Tunai / No. Cek : BWMB 56706 Pengurus

DOKUMEN 2

Tarikh :	9 Ogos 2008	
Penerima:	Kedai Elektrik Lee	
Kerana:	Penyaman Udara	
	Ringgit	Sen
Baki Akhir	25 150	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	25 150	00
Cek ini	1 100	00
Baki	24 050	00

BWMB 56707

KERATAN CEK

DOKUMEN 3

SALINAN

INVOIS

No. 1008

FARMASI PREMA VEERA

LG54 Plaza Tasek
Taman Tun Aminah
81200 Johor Bahru
No Tel : 07-6128921

Tarikh: 11 Ogos 2008

Kepada :
Izzati Enterprise
No 58 Jalan Pesera
83000 Batu Pahat
Johor Darul Ta'zim

KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
20	Syampu Berubat Unggul	18.00	360.00
4	Tonik Sarang Burung dengan Kolagen	65.00	260.00
			620.00
	Tolak: Diskaun niaga 5%		31.00
	JUMLAH		589.00

(Ringgit Malaysia: Lima ratus lapan puluh sembilan sahaja)

Syarat: 5% 7 hari
Serahan: Angkutan dibayar
K. & K. di K.

Izzati.....
Penerima*Prema*.....
Pengurus

DOKUMEN 4

ASAL	NK700		
NOTA KREDIT			
MINSON SDN BHD Lot 3-2 Kawasan Perindustrian Tebrau 81200 Johor Bahru Johor Darul Ta'zim No Tel: 07-2233467			
Kepada : Farmasi Prema Veera LG54 Plaza Tasek Taman Tun Aminah 81200 Johor Bahru	Tarikh : 13 Ogos 2008		
Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut:			
BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT RM	JUMLAH RM
Pati Ikan Haruan Holiney	2	35.00	70.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			7.00
JUMLAH			63.00
(Ringgit Malaysia: Enam puluh tiga sahaja)			
<i>Stanley</i>			
.....			
Pengurus			

DOKUMEN 5

MEMO**FARMASI PREMA VEERA**

LG54 Plaza Tasek
Taman Tun Aminah
81200 Johor Bahru
No Tel : 07-6128921

Tarikh : 20 Ogos 2008

Kepada :
Kerani akaun

Peringatan :

Sila catatkan dalam akaun, sekotak teh herba pelangsing Green Tea berkos RM 75 telah diedarkan kepada pelanggan-pelanggan sebagai sampel percuma.

Prema

.....
Pengurus

DOKUMEN 6

SALINAN**BIL TUNAI****No. 161****FARMASI PREMA VEERA**LG54 Plaza Tasek
Taman Tun Aminah
81200 Johor Bahru
No Tel : 07-6128921

Tarikh: 22 Ogos 2008

Kepada :
En Shahrudin Majid
10, Jalan Saleng, 81200 Johor Bahru

KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Susu tepung Dulex	42.50	42.50
1	Vitamin Ekstrak Ginko	85.00	85.00
1	Handiplas Plaster Berubat	5.50	5.50
JUMLAH			133.00

(Ringgit Malaysia: Seratus tiga puluh tiga sahaja)

Tunai/Cek

Prema.....
Pengurus**DOKUMEN 7**

ASAL

INVOIS

No. 8990

JUARA ENTERPRISE

No 35 Jalan Kempas Lama
81200 Johor Bahru
No Tel: 07-3455343

Tarikh: 24 Ogos 2008

Kepada :
Farmasi Prema Vecra
LG54 Plaza Tasek
Taman Tun Aminah
81200 Johor Bahru

KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
50	Ubat gigi Oral-D	8.00	400.00
20	Krim Pemutih Milky	15.00	300.00
10	Losyen Aromaterapi	10.00	100.00
			800.00
	Tolak: Diskaun niaga 10%		80.00
	JUMLAH		720.00

(Ringgit Malaysia: Tujuh ratus dua puluh sahaja)

Syarat: 5% 10 hari
Serahan: Angkutan dibayar
K. & K.diK

Prema

Penerima

Izfan

Pengurus

DOKUMEN 8

SALINAN						
BANK WAWASAN MALAYSIA BERHAD						
No 12-6 Susur 4 Jalan Tun Abdul Razak 80000 Johor Bahru						
						Tarikh : 26 Ogos 2008
BORANG WANG MASUK						
NAMA : Farmasi Prema Veera				No. Akaun : 0116-000245-080		
RINGGIT : Enam Ratus Sahaja				KEGUNAAN PEJABAT		
				Diluluskan oleh : <i>Waham</i>		
100	50	10	5	2	1	Jumlah : RM 600
3	2	5	20	-	50	

DOKUMEN 9

BAUCAR PEMBAYARAN		NO 06/08				
FARMASI PREMA VEERA						
LG54 Plaza Tasek Taman Tun Aminah 81200 Johor Bahru No Tel : 07-6128921						
		Tarikh : 30 Ogos 2008				
Kepada :						
Syarikat Tasek Sdn Bhd						
L.G1-12 Plaza Tasek						
Taman Tun Aminah						
81200 Johor Bahru						
<table border="1" style="width: 100%;"> <thead> <tr> <th style="width: 70%;">KETERANGAN</th> <th style="width: 30%;">RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bayaran sewa bulan Ogos 2008</td> <td style="text-align: right;">1 200.00</td> </tr> </tbody> </table>		KETERANGAN	RM	Bayaran sewa bulan Ogos 2008	1 200.00	
KETERANGAN	RM					
Bayaran sewa bulan Ogos 2008	1 200.00					
(Ringgit Malaysia: Satu ribu dua ratus sahaja)						
Tunai/No Cek: BWMB 56708		Diluluskan oleh:				
<i>Lim</i>		<i>Prema</i>				
.....					
Penerima		Pengurus				

DOKUMEN 10